



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA KEMPEN KIBARAN JIWA MERDEKA

---

**PUTRAJAYA, 20 OGOS 2024** – Sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-67 dan Hari Malaysia ke-61, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melancarkan **Kempen Kibaran Jiwa Merdeka** sebahagian usaha untuk meningkatkan semangat patriotik dan cintakan tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Semua rakyat Malaysia yang berada di dalam negara mahupun luar negara diminta untuk mengambil bahagian dalam kempen ini dengan **memuat naik video dan gambar mengibarkan Jalur Gemilang pada tanggal 31 Ogos dan 16 September ini di platform media sosial dengan tanda pagar #KibaranJiwaMerdeka.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata bahawa kemerdekaan sewajarnya difahami bukan hanya bebas daripada dijajah, sebaliknya kemampuan rakyat menjalani kehidupan lebih baik dan memiliki semangat cinta negara. Melalui konsep Malaysia Madani, ia kunci utama bagi menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

Sehubungan dengan itu, YB Datuk Aaron Ago Dagang turut menyeru agar semua rakyat Malaysia dapat mengambil bahagian dalam Kempen Kibaran Jiwa Merdeka ini. Beliau berharap agar media sosial diserikan dengan gambar-gambar patriotik yang akan menjadi medan penyatuan rakyat Malaysia serta menanam pohon-pohon perpaduan.

Kementerian berharap agar kempen ini secara tidak langsung dapat meraikan kepelbagaian, mempromosikan kebersamaan seterusnya membentuk jati diri yang dapat membina semangat cintakan negara.

**Kementerian Perpaduan Negara**  
20 Ogos 2024



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



**31 OGOS 2024  
& 16 SEPTEMBER 2024**

**SEPANJANG HARI**

Muat naik video dan gambar anda mengibarkan Jalur Gemilang di media sosial dengan tanda pagar #KibaranJiwaMerdeka.

